

Teliti kesan pelaksanaan

Archival News | Berita Harian | 18/07/2012 | Author: Syuhada Choo Abdullah

Mulai tahun depan, pelajar akan dibenarkan membawa telefon bimbit dan gajet seperti iPad ke sekolah. Perkara itu akan dimasukkan ke dalam Draf Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) 2012 yang sedang dirangka. BH mendapatkan pandangan Yang Dipertua PIBG SMK Bukit Bandaraya di Kuala Lumpur, Devanandan a/l Subramaniam, 52, serta Ketua Tingkatan Enam Atas Sastera, SMK Convent Bukit Nanas, Nabila Zulhendri, 19.

S: Adakah pelajar sudah cukup matang dan bertanggungjawab untuk membawa telefon bimbit dan gajet seperti iPad ke sekolah?

J: Saya rasa tidak. Di sekolah, sentiasa ada kumpulan pelajar nakal. Jika iPad boleh dibawa ke sekolah, bukan mustahil mereka akan melayari laman web tidak baik. Lebih memburukkan keadaan, sekiranya mereka turut mempengaruhi rakan lain yang tiada peluang berbuat demikian sebelum ini. Selain itu, kebenaran membawa telefon bimbit ke sekolah juga boleh menimbulkan masalah, termasuk dicuri seperti ketika pelajar menjalani Pendidikan Jasmani.

S: Bagaimana dengan risiko terhadap keselamatan pelajar seperti gejala rakam curi, terutama gambar tidak bermoral?

J: Memang ada banyak kejadian sedemikian boleh berlaku. Malah, dikhuatiri rakaman terbabit dimuat naik dan tersebar kepada orang ramai sehingga memalukan pelajar yang menjadi mangsa, selain mungkin dijadikan bahan ugutan.

S: Pandangan terhadap alasan Kementerian Pelajaran bahawa ia untuk tujuan keselamatan dan kemudahan pembelajaran?

J: Sudah ada makmal komputer di sekolah, itu memadai untuk kemudahan pembelajaran dengan panduan guru. Keselamatan pelajar juga sentiasa terpelihara dan terkawal dalam kawasan sekolah. Jika berlaku kecemasan, guru atau pihak pejabat boleh bantu. Bagaimanapun, pertimbangan boleh diberi untuk membenarkan pelajar guna telefon bimbit selepas waktu sekolah, tetapi dengan garis panduan dan penguatkuasaan ketat, untuk berhubung dengan ibu bapa memaklumkan perkara penting.

Namun saya memang tidak cenderung kepada cadangan membenarkan pelajar bawa iPad ke sekolah.

S: Apakah kesan langkah ini kepada pihak guru dan ibu bapa?

J: Saya percaya beban guru akan bertambah kerana terpaksa mengawal, mengawasi pelajar supaya mematuhi peraturan. Ia juga akan beri banyak tekanan tidak sepatutnya kepada ibu bapa untuk memenuhi permintaan anak yang ingin bawa telefon bimbit dan iPad seperti rakan lain, terutama mereka yang tidak berkemampuan atau punya ramai anak bersekolah. Tidak mustahil wujud tekanan dari segi perbandingan jenama atau kecanggihan gajet sesama pelajar. Ibu bapa juga mungkin bimbang tidak dapat kawal anak mereka yang akan lebih mudah berkomunikasi dengan pihak luar, lebih-lebih lagi banyak kes remaja lari dari rumah sekarang.

S: Sekiranya dilaksanakan, apakah mekanisme sewajarnya?

J: Jangan dilaksanakan secara menyeluruh, hadkan kepada pelajar menengah atas saja kerana mereka lebih matang. Garis panduan dan penguatkuasaan ketat amat penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan atau mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Dalam konteks ini, saya tidak bersetuju jika pihak sekolah dibebankan dengan tanggungjawab menyimpan

gajet berkenaan ketika P&P. Pelajar perlu dididik bertanggungjawab atas kegunaan dan keselamatan barangan masing-masing.

Hadkan kebenaran telefon, gajet

** Nabila Zulhendri

Ketua Tingkatan Enam Atas Sastera, SMK Convent Bukit Nanas

S: Adakah membawa telefon bimbit dan gajet seperti iPad ke sekolah benar-benar satu keperluan?

J: Bagi saya, tak bawa telefon bimbit bukan satu masalah kerana sekolah dilengkapi telefon awam. Sebaliknya, kebenaran membawa komputer riba lebih penting untuk memudahkan pelajar membuat tugas atau projek sekolah. Walaupun tidak dibenarkan bawa telefon bimbit ke sekolah, masih ada melanggar peraturan ini. Tidak dinafikan ada sekadar mahu bergaya, tetapi ramai membawanya untuk kegunaan penting berhubung dengan ibu bapa kerana tinggal jauh dari sekolah.

S: Apakah kesulitan yang dihadapi pelajar tanpa telefon bimbit?

J: Ada kala telefon awam di sekolah tidak berfungsi atau pelajar kehabisan syiling. Pelajar hanya dibenar menggunakan telefon di pejabat sekolah untuk perkara benar-benar kecemasan. Keadaan sebegini merumitkan pelajar menghubungi ibu bapa, terutama memaklumkan perubahan jadual aktiviti yang tidak dijangka di sekolah.

S: Bolehkah pelaksanaannya mengganggu proses P&P di sekolah?

J: Inilah yang dikhuatiri kerana ada pelajar bawa telefon bimbit dan leka berbalas SMS ketika P&P tanpa disedari guru. Bagi mengatasi masalah ini, dicadangkan guru kelas menyimpan telefon bimbit dibawa pelajar sehingga tamat waktu persekolahan supaya fokus pelajar tidak terjejas. Cadangan ini perlu dikaji secara mendalam sebelum dilaksanakan dengan bersyarat dan mempunyai mekanisme kawalan sewajarnya.

S: Bagaimana pula dari segi beban terhadap ibu bapa?

J: Mereka mungkin dibebani permintaan anak untuk membeli telefon bimbit atau iPad, selain risiko kecurian di sekolah. Dalam konteks ini, ibu bapa harus berbincang dengan anak supaya tidak timbul sebarang masalah.

S: Sejauh mana pelajar boleh menjaga keselamatan telefon bimbit atau iPad yang dibawa ke sekolah?

J: Pelajar mesti belajar berdikari dan memikul tanggungjawab memastikan keselamatan barangan masing-masing kerana ia dibawa ke sekolah atas kehendak sendiri. Justeru, sebaik-baiknya kebenaran ini hanya diberikan kepada pelajar di sekolah menengah kerana mereka lebih matang dan sepatutnya tahu menjaga barangan milik sendiri.

(END)

Source : Berita Harian